

**Peserta tilawah kagumi Malaysia
Utusan Online
10 Julai, 2012
Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR**

KUALA LUMPUR 9 Julai - Usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam memperkenalkan pendekatan wasatiyyah dipuji oleh para peserta Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-54.

Para qari dan qariah itu turut mengakui Malaysia merupakan contoh negara Islam di mata dunia ekoran mengamalkan sistem demokrasi dan mempunyai kemajuan ekonomi yang menakjubkan.

Peserta **Mohamad Samir Zeidan**, 22, dari Lebanon berkata, konsep kesederhanaan yang diamalkan oleh Malaysia wajar diikuti oleh negara Islam lain supaya Islam dipandang mulia oleh seluruh masyarakat.

"Penganjuran tilawah al-Quran dalam suasana aman turut memperlihatkan rakyat Malaysia saling hormat menghormati antara satu sama lain walaupun wujud pelbagai kaum dan agama.

"Situasi itu berbeza dengan negara-negara Islam lain yang berlaku pertumpahan darah akibat peperangan antara agama kerana tidak wujud kesefahaman antara satu sama lain," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Bagi peserta wanita, **Dkric Amina**, 26, dari Bosnia, umat Islam negara ini perlu bersyukur dengan nikmat kestabilan dan kemajuan Malaysia di saat penjajahan ekonomi oleh negara Barat.

"Bagi saya, situasi inilah yang terkandung dalam al-Quran yang menyuruh para kepimpinan Islam untuk menjaga kebajikan seluruh rakyat termasuk bukan Islam.

"Malah, saya berasa bangga apabila melihat wanita Islam Malaysia berjaya di setiap lapangan," katanya.

Dalam pada itu, **Ibrahim Bah**, 21, dari Guinea mengagumi Malaysia sebagai negara yang mengamalkan perundangan Islam dalam peraturan kehidupan seharian.

"Ramai kawan saya belajar di sini, mereka banyak menceritakan benda baik tentang Malaysia di samping sikap peramah rakyat negara ini.

"Kami kagum dengan seni bina Islam pada bangunan yang terdapat di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia memperlihatkan ukiran seni bina itu diterima baik oleh masyarakat bukan Islam negara ini," katanya.

Sementara itu, peserta **Fatma Awad Abdal Moneim Hamed**, 22, dari Sudan dalam nada sama meminta rakyat negara ini mensyukuri nikmat keamanan dengan menjaga keharmonian yang dikecapi selama ini.

Katanya, pelajar jurusan pengajian Islam itu tidak mendapat pendedahan ilmu taranum di negara asalnya tetapi mendalami ilmu itu di Malaysia.

"Alhamdulillah rakan-rakan peserta lain banyak mengajar untuk mempelajari ilmu taranum dan saya mengucapkan terima kasih kepada mereka," katanya.

Mohamad Samir Zeidan dari Lebanon mendahului senarai mpendengarkan bacaan malam keempat hari ini dengan membaca ayat pertama Surah al-Nur dan ikuti Dkric Amina (Bosnia) serta dua wakil Thailand, Mohd. Shukri Ahmad Banba dan Mashitah Ibrahim.

Turut memperdengarkan bacaan ialah Yusoof Lehri (Myanmar), Fatma Awad Abdal Moneim Hamed (Sudan), Sabah Abed Alwan (Iraq) dan Zamir Rakiev (Kyrgyz).

Peserta lain ialah Khadijah Osman (Vietnam), Nurul Haq Yahuza (Ghana) dan Ibrahim Bah (Guinea).

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0710&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_06.htm